



JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

GARIS PANDU PILIHAN PEMBAYARAN MELALUI BANK

PENCEN UMUR TUA DAN HILANG UPAYA

Syarat dan Peraturan bagi Penerima-Penerima Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya yang memilih kaedah pembayaran melalui bank.

1. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

1.1. Permohonan pencen dan elaun telah diluluskan oleh JAPEM, iaitu:

- 1.1.1. Pencen Umur Tua;
- 1.1.2. Pencen Hilang Upaya;
- 1.1.3. Pencen Orang Buta;
- 1.1.4. Elaun Bercelaru Mental,
- 1.1.5. Elaun Kusta; dan
- 1.1.6. Elaun Kurang Upaya.

1.2. Penerima yang masih sihat (*able-bodied*) dan boleh menguruskan kewangan sendiri.

1.3. Hendaklah mempunyai akaun bank atas nama sendiri dalam salah satu institusi perbankan tempatan berikut:

- 1.3.1. Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD);
- 1.3.2. Bank Baiduri Berhad; dan
- 1.3.3. Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

dan semua urusan pembayaran melalui bank adalah tertakluk kepada terma dan syarat perbankan yang dikenakan oleh ketiga-tiga institusi perbankan berkenaan;

1.4. Menghadapkan sekurang-kurangnya seorang penjamin terdekat yang mudah dihubungi bagi memenuhi keperluan-keperluan berikut:

- membantu dalam pengurusan dan pengeluaran wang dari bank; dan
- sebagai penjamin dalam urusan pembayaran balik wang pencen dan elain.

2. DOKUMEN YANG DIKEHENDAKI

Setiap permohonan untuk mendapatkan pembayaran pencen dan elaun melalui bank ini hendaklah mengisikan borang permohonan yang disediakan oleh JAPEM dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:

- 2.1. Salinan kad pengenalan pintar pemohon;
- 2.2. Salinan buku akaun bank atau *e-statement* pemohon yang mempunyai keterangan seperti berikut:
 - 2.2.1. Nama bank
 - 2.2.2. Nombor akaun
- 2.3. Salinan Kad Pengenalan Pintar penjamin:

3. PROSES PEMOTONGAN DAN KUTIPAN BALIK PENCEN DAN ELAUN

- 3.1. Pihak bank akan membuat potongan, memberhentikan pembayaran pencen dan elaun atau membekukan akaun penerima jika menerima makluman dan arahan dari pihak yang diberi kuasa untuk memotong, memberhentikan atau mengutip balik sebarang pembayaran pencen dan elaun kepada penerima tertentu bagi perkara-perkara yang telah disenaraikan dalam **Akta Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya 1954**.
- 3.2. Pihak Kerajaan akan mengutip sebarang jumlah yang terlebih bayar melalui:
 - 3.2.1. Pemotongan dari akaun penerima ATAU
 - 3.2.2. Kutipan balik melalui penjamin.
- 3.3. Jika pihak JAPEM menerima aduan bagi sebarang pengeluaran wang dari akaun penerima yang bukan dibuat oleh penerima / wakil/ penjamin yang telah dipersetujui (nama-nama yang telah dihadapkan ke pihak JAPEM), tindakan pembayaran melalui bank akan diberhentikan serta-merta jika aduan tersebut didapati sah.